

KAFIR: DR. M JAWAB

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, UMNO tidak sekali-kali akan mengkafirkan lawannya tetapi sebaliknya "memujuk mereka kembali ke pangkal jalan" demi perpaduan umat Islam.

Perdana Menteri mengkap Presiden UMNO berkata, kegiatan menyelewengkan ajaran Islam semata-mata kerana

Oleh **BUSTAMAM AHMAD**

kepentingan politik oleh parti lawan kini telah sampai ke tahap merbahaya.

Menurutnya, parti lawan sentiasa mencari "satu bentuk tohmah dan fitnah" baru semata-mata untuk menjaga kepentingan politiknya.

Datuk Seri Dr. Mahathir bagaimanapun, tidak memaikan parti pembangkang tersebut tetapi difahamkan beliau merujuk kepada PAS.

"Dalam menghadapi keadaan seperti ini, tugas UMNO bukan untuk mengkafirkan mereka tetapi sebaliknya berusaha menarik mereka agar kembali semula ke pangkal ja-

lan.

"Jika selepas kita dapat menarik mereka ke jalan yang benar, mereka masih tidak mahu menyertai perjuangan kita, ini tidak mengapa.

"Kita perlu menyedarkan mereka kerana mereka sudah menyeleweng jauh dari ajaran Islam sebenar semata-mata kerana menjaga kepentingan politik mereka." tegasnya semasa merasmikan kursus pernerangan UMNO di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulangi kesediaan UMNO menerima kembali, "mereka yang telah lama terpisah dengan kita".

Bellau berkata, menjadi tanggungjawab UMNO untuk berusaha ke arah perpaduan umat Islam di samping "mencari kemenangan dalam pilihanra-

ya".

"Itulah sebabnya kita telah menyatakan kesanggupan menerima semula mereka yang sudah lama terpisah daripada kita. Usaha memujuk perpaduan umat Islam adalah satu daripada tugas kita.

"Sebagai sebuah parti Islam terbesar, adalah menjadi tugas kita, membuktikan keadaan umat Islam yang fahaman mereka mengenai Islam telah dicampuradukkan dengan berbagai tafsiran semata-mata kerana kepentingan politik," jelasnya.

Menurut Perdana Menteri, parti lawan berkenaan sentiasa memutarbelitkan perkara-perkara tertentu hingga menimbulkan anggapan "segala yang kita buat semuanya salah dan hanya mereka sahaja yang Islam yang sebenar".